


ACHARA2 PERAYAAN
HENDAK-LAH DI-ASASKAN
MENURUT IDENTITI
BRUNEI—Pmk M.B.

Dengan sebab itu-lah, tambah Yang Amat Mulia lagi, pada kali ini acara Peraduan Ratu Chantek atau sifat2 menjolok-mata sama sekali diharamkan di-seluruh negeri kerana acara yang seperti itu ada-lah satu perkara yang sama sekali tidak menguntungkan kepada masyarakat bahkan boleh mendatangkan pengaruh yang tidak baik kepada seluruh negeri terutama se-



Yang Amat Mulia sa-lanjutnya menegaskan bahawa peng-haraman Ratu Chantek dan Tote itu bukan-lah berarti satu halangan pada meramaikan lagi sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha

(Lihat muka 8)

Yang Di-Muliakan Pehin
Orang Kaya Udana Laila Da-
(Lihat Muka 8)

Awang Ya'akub juga berkata, pengechualian itu juga di-kenakan bagi pemegang² permit tinggal¹, permit² kebenaran masuk yang sah, dan permit keluar-masuk (Lihat muka 8)

SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM

MPSHB anjor jalan jauh utk derma stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah akan mengadakan acara berjalan jauh, yang peserta2-nya terdiri dari pensharah2, penuntut2 dan kaki tangan maktab tersebut, dalam usaha untuk memungut derma bagi Tabung Pembinaan Stadium.

Acharya tersebut akan di-jalankan pada pukul 7.30 pagi, hari Isnin 16hb. Julai, bermula dan berakhir di-padang besar.

Para peserta tersebut di-kehendaki menchari penganjor-nya sendiri yang terdiri dari sharikat2, peniaga2 atau orang2 perseorangan bagi mengiklankan barang2 mereka menerusi peserta2 yang di-anjorkan-nya, dengan mengarahkan peserta-nya membawa poster2, chogankata, nama sharikat atau peniaga dan lain-nya.

Peserta2 akan berjalan sa-jauh 10 batu, melalui beberapa tempat yang ramai dengan penuntut2 dan iklan yang di-bawa kelak akan mendapat tumpuan perhatian orang ramai.

Sharikat2 dan peniaga2 di-kenakan bayaran \$2.00 tiap2 sa-batu dan bayaran bagi perseorangan yang tiada kaitan dengan sharikat atau peniaga2 ia-lah \$1.00 sa-batu.

Pihak penganjor acharya jalan jauh menyeru pihak2 yang berkenaan supaya memberikan bantuan dan kerjasama terhadap usaha yang di-jalankan oleh Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah, bagi menunggui derma untuk tabung pembinaan stadium itu.

PENGELOLA Baitol Mal dan Zakat Fitrah dari Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Mohamed Tahir bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar telah menyampaikan derma bantuan sa-banyak \$310.00 kepada lima keluarga mangsa2 kebakaran (gambar bawah).

Penyampaian derma tersebut telah di-adakan di-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan pada hari Isnin lepas dan telah di-saksikan oleh Ketua Kampung Setia Pahlawan Lama, Awg. Haji Abdul Rahman bin Abdullah.

Awang Haji Tahir menerangkan, wang bantuan pendahuluan itu ada-lah di-ambil dari kumpulan wang zakat fitrah sa-bagai menampung keperluan mangsa2 kebakaran itu. Gambar JHEU/BP.



Perlawanan chator sa-negeri

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Perlawanan chator sa-negeri Brunei akan di-adakan di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan, yang merupakan sabahagian dari acharya sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Daerah Brunei-Muara.

Perlawanan yang bermula pada 20hb. Julai itu akan terbahagi kepada tiga bahagian, ia-itu kejohanan kebangsaan terbuka, kejohanan junior dan kejohanan wanita terbuka.

Peserta2 yang ingin menyertai-nya boleh-lah mendapatkan borang masuk dari Yang Amat Mulia Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Yusof, Jalan Kumbang Pasang; Awg. Soma-sundram di-Maktab SOAS; Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Damit di-Jabatan Kerja Raya Bahagian Bangunan dan Awang Anthony Chin, di-Ibu Pejabat Kerja Raya, kesemua-nya di-Bandar Seri Begawan, dan borang2 tersebut hendak-lah di-kembalikan sa-belum 20hb. Julai.

PENDUDOK2 di-Kampung Lu-rong Dalam dan penduduk2 kampung sekitar-nya di-ketuai oleh Awang Haji Abu Bakar bin Hashim telah membuat kerja "memuchang2" untuk memperbaiki bangunan Sekolah Ugama di-kampung itu pada hari Ahad lepas (gambar atas).

Bangunan sekolah yang boleh menampung sa-ramai 700 orang murid itu sekarang telah di-dapati banyak kerosakan yang perlu diperbaiki demi menjaga keselamatan murid2 yang belajar di-bangunan itu.

Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama telah mengutokan wang perbelanjaan bagi memperbaiki sa-barang kerosakan yang terdapat dalam bangunan sekolah itu.

Jadual perlawanan

SA-BANYAK 13 perlawanan akan di-langsungkan minggu ini dalam siri pertandingan bola sepak anjoran Persatuan Bola Sepak Amat Negeri Brunei.

Pada hari Jumaat 6hb. Julai perlawanan2 akan di-adakan antara pasukan SATRIA dengan TUTONG, D.B.P. lawan SUMBILING, AMDB lawan IBB dan KUJAGA lawan PGGMB.

Pada 8hb. Julai, PGGMB lawan PULIS, AMDB lawan JKR, SATRIA lawan P.A.P.P. dan TUTONG lawan PERUBATAN.

Pada 9hb. Julai, T.A.S. lawan B.R.C., M.S.S. lawan KEKAL, Sumbiling lawan KUJAGA dan MUZIUM lawan IKERAB.

Perlawanan antara pasukan K.P.P.S.K. dengan P.A.P.P. akan di-langsungkan pada 10hb. Julai.

Berikut ini ia-lah kedudukan mata yang di-perolehi oleh pasukan2 sa-hingga 2hb. Julai.

KEDUDOKAN PASOKAN PADA PERMAINAN SA-HINGGA 2hb. Julai, 1973

Bil.	Nama Pasokan	P	M	S	K	Gol		Mata
						Sdri	Lwn	
1.	PERKASA	8	8	0	0	34	3	16
2.	POLIS	6	6	0	0	40	7	12
3.	I.B.B.	6	6	0	0	39	6	12
4.	A.M.D.B.	6	6	0	0	25	2	12
5.	KUJAGA	7	6	0	1	24	7	12
6.	PELAJARAN	6	5	0	1	46	10	10
7.	P.A.P.P.	6	5	0	1	25	4	10
8.	IKERAB	6	4	0	2	24	12	8
9.	SUMBILING	6	4	0	2	21	13	8
10.	PERKA	7	4	0	3	22	16	8
11.	SATRIA	6	3	1	2	17	15	7
12.	D.B.P.	6	3	1	1	16	17	7
13.	TUTONG	5	2	1	2	18	11	5
14.	M.S.S.	7	2	1	4	22	23	5
15.	K.P.P.S.K.	6	2	0	4	13	10	4
16.	KEKAL	6	2	0	4	13	20	4
17.	LETRIK	6	2	0	4	9	19	4
18.	T.A.S.	8	2	0	6	17	43	4
19.	PERUBATAN	5	1	1	3	9	17	3
20.	MUZIUM	7	1	0	6	13	27	2
21.	P.G.G.M.B.	4	1	0	3	5	31	2
22.	PERTANIAN	7	1	0	6	9	43	2
23.	B.R.C.	7	0	1	6	10	42	1
24.	J.K.R.	6	0	0	6	5	33	0
25.	TALIKOM	7	1	0	6	5	33	0

Di-pileh sa-mula

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid telah di-pileh sa-mula sa-bagai Yang Di-Pertua Persatuan Amateur Judo-Karate Negeri Brunei bagi tahun 1973/74. Yang Amat Mulia telah memegang jawatan itu sa-lama tujuh tahun berturut2.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya di-pileh dalam meshuarat agong persatuan itu yang telah di-adakan baru2 ini.

Lain2 anggota yang di-pileh ia-lah Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussain dan Awg. Selamat bin Munap, kedua2-nya di-pileh sa-bagai Naib Yang Di-Pertua.

Setia Usaha Agong — Awang Haji Kassim bin Mudzaffar, penolong Setia Usaha Agong — Awg. Chua Pheng Siong, Bendahari — Awang Lau Chin Hung, Penolong Bendahari — Awang Chong Yew Fah.

Tiga orang di-pileh sa-bagai ahli jawatankuasa. Mereka ia-lah Awg. Abdul Jalil bin Abdul Rahman, Awang Mustapha bin Haji Abdul Rahman dan Awang Louis Lim Kim Huat.

Persatuan itu juga telah melantik Awang T. Touirumi, 27 tahun dari Jepun sa-bagai Ketua Jurulatih judo/karate sa-penoh masa. Beliau mulai bertugas awal bulan ini.

PERJUANGAN manusia dalam menuntut kebahagiaan hidup di-dunia ini ada-lah laksana orang mendirikan bangunan. Barang siapa yang hendak mendirikan bangunan yang tinggi dan kuat, mesti-lah ia memperteguhkan asas bangunan itu serta yakin akan keteguhan-nya. Kerana bangunan yang tinggi itu sangat bergantung kepada asas yang tegoh.

Maka perjuangan manusia dan tingkat darjat perjuangan-nya ada-lah sa-bagai bangunan dan asas perjuangan itu ia-lah iman atau keyakinan. Apabila asas kuat dapat-lah ia menanggung bangunan itu yang akan berdiri tegak dengan kukuh di-atas-nya. Saka-nya bangunan itu rosak maseh juga dapat di-baiki dengan mudah. Tetapi apabila asas-nya tidak kuat maka bangunan-nya pun tidak akan tegoh berdiri, dan kalau berdiri tentu tiada tetap dan apabila rosak sa-bahagian dari asas-nya neschaya ruboh bangunan-nya.

Maka bagi orang yang berakal dan bijak, dia akan mengutamakan perbaikan asas sa-belum mendirikan bangunan. tetapi orang yang budoh mendirikan bangunan dengan tidak mengambil berat kepada asas bangunan-nya itu, kerana itu bangunan-nya mudah runtoh dan lekas binasa.

Apakah petunjuk Al-Quran tentang asas bangunan yang kukuh dan kuat itu? Firman Allah Subhanahu-Wataala yang bermaksud:

“Apakah orang yang mengasaskan bangunan-nya di-atas dasar taqwa kepada Allah dan menuntut keredhaan-nya lebih baik, atau kah orang yang mengasaskan bangunan-nya di-atas tepi ‘gaung’ yang runtoh lalu runtoh-lah ia bersama bangunan-nya itu ka-dalam neraka jahanam? dan Allah tiada memberi hidayat kepada kaum yang dzalim”.

Dengan keterangan ayat Al-Quran tadi jelas-lah kita bahawa asas yang kuat bagi setiap perjuangan dalam hidup ini yang di-ibaratkan oleh Al-Quran sa-bagai asas bangunan itu hendak-lah berdasarkan taqwa kepada Allah dan menuntut keredhaan-nya. Itu-lah satu2-nya dasar yang tegoh dan kuat yang tidak dapat di-

lemahkan dengan kesenangan dan tidak dapat di-rosakkan dengan kesusahan, walau pun bagaimana juga besar-nya ujian dan chubaan datang kepada kita. Tetapi kalau asas tujuan-nya hanya semata2 menchari kesenangan dan kemewahan hidup, atau untuk menchari kemegahan dan kebesaran di-sisi manusia, maka bangunan yang di-dirikan-nya itu tidak-lah kuat. Dan kalau sedikit saja datang ujian atau

chubaan neschaya bangunan-nya itu rosak dan binasa, sedang dia-nya sendiri selalu berada dalam bimbang dan ragu.

Dalam kontek pembangunan negara sekarang ini, dimana Islam di-jadikan sa-bagai ideologi negara. maka sudah kena-lah pada tempat-nya asas pembangunan kita itu berdasarkan taqwa kepada Allah dan menuntut keredhaan-nya atau dengan arti kata yang

lebih luas berdasarkan ajaran2 ugama Islam yang benar dan tulen.

Dengan demikian sa-baik2 jaminan yang pembangunan kita akan benar2 menghasilkan ketegohan dan kesempurnaan di-dalam semua bidang dan lapangan. Mudah2an di-atas dasar itu Allah kurniakan kita kejayaan dan di-sampaikan-nya kepada matalamat2 dan tujuan2 kita. Amin ya rabal alamin.



KHUTBAH JUMA'AT

Perarakan kereta dan basikal berhias

BANDAR SERI BEGAWAN. —Peraduan Perarakan Kereta dan Basikal berhias dan Tanglong Berjalan Kaki ada-lah salah satu achara dalam ranchangan perayaan bagi meraikan hari keputeraan kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei bagi Daerah Brunei dan Muara.

Peraduan kereta dan basikal berhias akan di-adakan pada hari Isnin 16hb. Julai mulai jam 2.00 petang dan bermula dari Istana Darul Hana dan turun mengelilingi Bandar Seri Begawan.

Peraduan Perarakan Tanglong Berjalan Kaki, kereta dan basikal berhias pula akan di-adakan pada petang 16hb. Julai mulai jam 7.30 malam dan perarakan itu akan bermula dari Padang Ong Sum Ping dan terus turun mengelilingi Bandar Seri Begawan.

Peraduan2 tersebut ada-lah terbuka kepada persatuan2, kampong2, pejabat2, sekolah2 dan orang2 perseorangan.

Borang2 permohonan untuk menyertai peraduan tersebut boleh di-dapati dari Pengerusi, Pengiran Haji Mohamad bin Pengiran Badar, di-alamat Jabatan Perkhidmatan Perubatan atau Setiausaha-nya, Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Damit, di-Pejabat Penchen Negara, Bandar Seri Begawan.

Borang2 itu hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari hari ini 4hb. Julai jam 4.00 petang.

Sementara itu peraduan perarakan kenaikan laut dan berchuchol rumah2 Kampong Ayer juga akan di-adakan bagi merayakan hari keputeraan Baginda.

Orang ramai, terutama-nya penduduk2 Kampong Ayer,

di-seru supaya menyertai dalam perarakan kenaikan laut dan berchuchol rumah2 itu.

Perserta2 yang ingin mengambil bahagian dalam peraduan tersebut boleh-lah mendapatkan borang masuk daripada Pengerusi Peraduan Pengiran Damit bin Pengiran Abu Bakar di-Jabatan Setor dan Perbekalan Negara, Bahagian Workshop, Jalan Tasek Lama, Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Damit, Pejabat Penchen2 Negara, atau Awang Sablee bin Haji Metussin, Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka.

Borang2 tersebut hendak-lah di-kembalikan kepada nama2 yang tersebut di-atas tidak lewat dari 12hb. Julai jam 4.00 petang.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 4hb. Julai, 1973 hingga ka-hari Selasa 10hb. Julai, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
4hb. Julai	12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11
5hb. Julai	12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11
6hb. Julai	12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12
7hb. Julai	12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12
8hb. Julai	12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12
9hb. Julai	12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12
10hb. Julai	12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

\$2,000 di-untukan bagi hadiah Pertunjukan Bunga2 Hidup

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Tertinggi Perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah menguntukan wang sebanyak \$2,000 sa-bagai hadiah kepada pemenang2 peraduan pertunjukan bunga2 hidup yang akan di-adakan pada pertengahan bulan ini.

salah satu achara perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia bagi Daerah Brunei dan Muara dan di-kekolakan oleh Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Brunei.

Pengerusi Peraduan, Dayang Masni binte Haji Ali menyeru orang ramai supaya memberikan kerjasama demi bagi menjayakan pertunjukan tersebut.

Pertunjukan tersebut ada-lah



(4hb. Julai, 1973)

PEKERJA2 ASING

KERAJAAN mengeluarkan notis kepada pekerja2 asing untuk meninggalkan negeri ini dalam waktu2 tertentu ada-lah bertujuan bagi mempraktikan dasar2 demi menjaga kepentingan rakyat bumiputera.

Langkah2 itu juga di-amal untuk memberi peringatan kepada pekerja2 asing atau majikan2 bagi menentukan sikap kejuruan mereka supaya jangan 'melepaskan batok di-tangga' terhadap kepentingan rakyat bumiputera.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Dato Paduka Awg. Haji Abd Aziz dalam satu perjumpaan antara pemimpin2 Dewan Perniagaan China baru2 ini telah menjelaskan kedudukan itu kepada mereka.

Langkah demikian merupakan satu ujian kepada pekerja2 asing serta majikan2 dalam memastikan apa-kah kehendak mereka sa-lama berada di-Brunei dapat memberi sumbangan yang besar erti-nya terhadap ekonomi rakyat dan negara.

Jika di-tinjau sa-pintas lalu, kemasokan mereka sa-lama ini menurut apa yang di-harapkan sudah ada anak2 tempatan yang berkemahiran atau sa-kurang2-nya sa-paroh mahir dalam mengendalikan sa-satu tugas persendirian atau akan nampak di-mata kita anak2 tempatan sudah ada memenohi sa-barang pekerjaan di-sektor2 persendirian yang di-kendalikan oleh mereka.

Tetapi nampak-nya, harapan untuk memberi latihan dan tunjuk ajar yang di-harapkan oleh anak2 tempatan itu sa-lama ini hanya merupakan 'jauh panggang dari api'.

Dengan ada-nya sikap tegas Kerajaan sekarang, seperti mana yang di-tekanan oleh Y.B. Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu akan menjernekan lagi suasana yang di-menopoli oleh majikan2 asing dalam membendung ekonomi rakyat yang akibat-nya di-tanggung oleh mereka sendiri jua.

Dalam tindak-tandok mereka yang berchampur kata dan janji, maka timbul lagi satu sikap 'Ali Baba' yang juga tidak di-ingini oleh Kerajaan.

Sa-benar-nya Kerajaan mahukan orang2 yang bersikap jujur dan selalu menepati janji, tetapi bukan berselindung di-sebalik kata dan janji yang tidak pernah di-tepati.

Kerajaan memang mahu kepada pekerja2 atau majikan2 asing leleh lama tinggal di-negeri ini menurut syarat apa yang di-janjikan bahawa mereka akan melateh dan menunjuk ajar anak2 tempatan sa-bagai pekerja2 mahir yang serba berkebolehan bagi membantu meringankan beban Kerajaan untuk mempercepatkan lagi rancangan pembangunan-nya.

Itu-lah niat suci Kerajaan kepada mereka, malah Kerajaan tidak sa-kali2 bermaksud untuk menyusahkan mereka. Sa-balek-nya mereka bersifat 'tama' di-beri batis mahukan paha.

BARU2 ini beberapa orang anggota Pancharagam telah di-hantar ka-England kerana mengikuti kursus muzik sa-lama sa-tahun di-Royal Military School of Music, Kneller. Dalam bulan September tahun lepas tiga orang anggota Pancharagam ini telah kembali ka-Brunei dan tempat mereka telah di-ganti pula oleh tiga orang lagi anggota Pancharagam ini. Mereka akan kembali ka-Brunei dalam bulan Oktober ini dan tiga tempat telah pun di-khaskan untuk anggota2 lain. Kursus yang mereka ikuti ada-lah kursus permulaan dalam muzik, tetapi ada-lah di-harapkan dalam masa yang akan datang, besar kemungkinan ada di-antara anggota2 ini akan di-hantar sa-mula untuk mengikuti kursus lanjutan sa-lama 3 tahun atas matalamat, melahirkan sa-orang pengarah Muzik yang terlateh bagi mengambil alih jawatan mengarah Pancharagam Polis Diraja Brunei.

Untuk pengetahuan para pembaca saya telah bertemuramah dengan dua dari tiga anggota pancharagam ini yang pernah berkursus di-England itu. Mereka ia-lah Bandsman Ak. Abas Pg. Hj. Damit dan Bandsman Shahri Awang Besar. Ditanya tentang pengalaman mereka sa-masa mula2 berkhidmat dengan pancharagam ini, mereka berberdua sa-pendapat dengan rakan2 mereka yang lain di-dalam Pancharagam ini bahawa mula2 berkhidmat memang-lah sukar tetapi kalau rajin segala kesukaran itu akan dapat di-atasi. Dan Bandsman Ak. Abas menambah, "kita mesti-lah menumpukan fikiran kita kepada pelajaran kita jika mahu cepat menguasai-nya".

Bandsman Ak. Abas sa-orang bekas penuntut Maktab S.O.A.S. mula berkhidmat dalam tahun 1967 dan dalam pancharagam ini beliau bermain **cornet**. Alat ini menurut-nya, "sa-akan2 **trumpet**, juga menggunakan tiga 'fingering' atau 'valve' dan agak susah memainkan-nya kerana 'fingering' selalu sama, jadi kita harus berhati2 dan mesti-lah menggunakan bibir yang tepat."

"Mula2 saya belajar meniup **cornet** ini, bibir merasa sakit dan susah mendapatkan suara yang tetap, jadi saya terpaksa berlatah bersungguh2 walau pun bukan waktu bekerja".

Menyentuh tentang kursus beliau di-England baru2 ini, Bandsman Ak. Abas menyatakan, "saya mengikuti kursus dalam bahagian **cornet**, chara2 harmony, instrumentation dan teori. Ia juga dapat meluaskan pengalaman saya dalam bidang muzik dan dapat mendo- rong saya untuk leleh bergiat lagi dalam muzik kerana di-sana banyak orang2 yang betul2 ahli dalam muzik.


Bandsman Shahri, juga sa-orang bekas penuntut Maktab S.O.A.S. telah berkhidmat sejak 4 tahun dahulu dan pernah berkhidmat sa-bagai anggota Polis Tambahan sa-belum berkhidmat dengan pasokan pancharagam. Oleh kerana beliau mempunyai minat yang mendalam dalam lapangan muzik, beliau telah memasoki pasokan pancharagam.

Beliau telah di-hantar ka-England bersama2 dengan Bandsman Ak. Abas sa-lama

konset sa-lama sa-malam di-Wales.

Bagaimana pula dengan sambutan orang2 di-sana, beliau menjawab, "sambutan orang2 di-sana terhadap muzik sunggoh2 memuaskan dan menggalakkan, mereka sunggoh2 tertarek kepada muzik."

Pengambilan orang baru untuk pancharagam ini hanya



Pengarah Pancharagam Polis Diraja Brunei, Awang G.R. Crowhurst (berdiri membelakangi kamera) memimpin pancharagam itu ketika menjalankan latihan di-bilik latihan (atas).

sa-tahun dan mengikuti kursus **clarinet** dan **piano**. Bercherita tentang kursus di-England, Awang Shahri mengatakan, "Kami telah membuat perjumpaan dengan sa-orang ahli **clarinet** yang mengajar kami chara2 **fingering** yang menyenangkan dan memudahkan chara2 memainkan alat muzik. Di-sebelah petang-nya pula kami belajar teori dan harmoni, manakala pada hari Rabu pula untuk sukan. Jadi pada keseluruhan-nya kursus yang kami ikuti itu sunggoh2 memuaskan".

Bandsman Shahri meneruskan, "chuma satu masalah yang kami hadapi ia-lah masalah bahasa. Kursus ini semua-nya di-kelolakan dalam bahasa Inggeris, jadi kami terpaksa bersungguh2 dan berhati2 menghadapi pelajaran kami".

Sa-sama berkursus di-England, kami sempat mengambil bahagian dalam pertunjukan



MEMPERKENALKAN PASOKAN PANCHRAAGAM POLIS DIRAJA BRUNEI

— SIRI TERAKHIR


OLEH:
ALIDIN OTHMAN

di-lakukan sa-chara sekali sahaja kerana anggota2 pancharagam biasa-nya leleh suka untuk terus berkhidmat sehingga ka-peringkat umur untuk bersara dan berkecayaan untuk menerima penchen yang maksima. Bagaimana pun, menemuduga sa-orang pancharagam yang betul2 mempunyai "potential", sa-memanglah di-harapkan bahawa si-pemohon itu mempunyai sedikit sa-banyak pengetahuan dalam bidang muzik. Akan tetapi syarat ini jarang sekali dapat di-penuhi dan penerimaan sa-barang pemohon untuk menjadi pancharagam ada-lah sa-bahagian besar-nya berdasarkan kepada:

Kelayakan2 fizikal seperti yang di-tetapkan, mempunyai darjah pelajaran yang baik, mempunyai hasrat yang bersungguh2 untuk menyesuaikan diri-nya kepada pekerjaan akademik yang sukar dan mempunyai perawakan yang menyukakan hati.

Rekrut Md. Said bin Haji Yusof yang mula memasoki pancharagam ini pada 3hb. Januari, 1972. Sa-telah sa-tahun tepat berlatah, beliau telah mengambil peperiksaan dan di-naikkan kepada **2nd class P.C.** Dalam pancharagam Bandsman Md. Said bermain **Bb Bass**.

Pancharagam Polis Diraja Brunei pernah juga menunjukan permainan di-luar negeri (Australia) dalam bulan Februari, 1971 bersama2 dengan




Pasokan pancharagam Polis Diraja ketika menjalankan latehan berbaris di-padang perbarisan di-Ibu Pejabat Polis Diraja Gadong. Bandsman Shari bin Awang Besar pernah mengikuti kursus di-England sa-lama sa-tahun. Awang Shari bermain alat **Clarinet** dalam pasokan itu.

Pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei. Pemergian keluar negeri ini sedikit sa-banyak dapat juga menambah pengalaman anggota2-nya disamping menunjukkan kebolehan mereka kepada penuntut luar negeri.

Bandsman Abdul Hamid sa-orang lagi pemain "bell" memakai ceremonial dress.

Awang Md. Said bin Haji Yusof yang bermain alat **Bb Bass**.



Hampir \$5,000 di-terima utk tabong pembinaan stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Uta- ma Dr. Haji Mohd. Jamil Al-Sufri pada minggu lalu telah menerima sumbangan sa-banyak \$2,704.00 untuk tabong pembinaan stadium. Sumbangan yang paling besar di-terima dari tuan punya kedai Hazi Mulia (Chop Suom Huat) dan Dr. K.H. Blaauw yang masing2 menderma sa-banyak \$1,000.00.

Derma dari Chop Suom Huat telah di-sampaikan oleh Awang Yeo Teck Shim manakala derma dari Dr. Blaauw di-sampaikan oleh Awang Mohd. Yusof bin Taha.

Awang Yeo sa-masa menyampaikan derma tersebut telah menyatakan bahawa derma itu ada-lah

terbit dari perasaan tanggung-jawap-nya sa-bagai sa-orang rakyat dan penduduk negeri ini bagi menjunjung titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Dr. Blaauw pula menyatakan bahawa derma tersebut ada-lah terbit dari rasa hati yang bertanggong-jawab sa-bagai sa-orang yang menjalankan pekerjaan persendirian di-negeri ini untuk menjunjung titah dan menyebarkan taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia.

Lain2 derma ia-lah sa-banyak \$320.00 di-dermakan oleh Persatuan Badan Ikatan Kebajikan Bersama I.K.R. Derma tersebut di-sampaikan o'leh Awang Anuar bin Mohd. Yusof, \$200.00 dari Persatuan Kereta Sewa Bandar Seri Begawan

yang di-sampaikan oleh Awang Lim Kah Siew, \$100.00 dari Sheikh Omar Obid dan anak2 dan \$84.00 dari penduduk2 Kampung Mesjid Lama Muara dan Orang2 Nelayan di-Muara. Derma tersebut di-sampaikan oleh Awang Haji Arif bin Haji Bujang. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja tat kala menerima derma2 tersebut telah menyampaikan ucapan terima kasih dan sa-tinggi2 penghargaan di atas perasaan taat setia mereka menjunjung titah dan kesedaran untuk sama2 bertanggong-jawab dalam membiayai bersama rancangan pembinaan stadium.

Yang Berhormat menegaskan derma yang sa-demikian bukanlah di-pandang dari segi nilai wang tersebut, tetapi yang leleh

(Lihat muka 8)

Lumba bernang berganti2 24 jam

BANDAR SERI BEGAWAN. Lumba bernang tahunan kali yang kelima dan lumba bernang berganti2 24 jam akan di-adakan di-Kolam Bernang Lembaga Bandaran di-Kampung Anggerek Desa Berakas, sa-bagai sa-bahagian dari acara sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei ke-27 tahun.

Keputusan itu di-ambil oleh Jawatankuasa Kechil Penganjor Perlawatan itu di-satu mesuarat yang berlangsung di-Pejabat Pengawas Kolam Bernang baru2 ini.

Perlawatan2 itu akan di-ke-lolakan oleh Persatuan Bernang Ametor Brunei.

Sa-orang juruchapak bagi jawatankuasa kechil penganjor perlawatan itu menyatakan bahawa temasha lumba bernang itu akan di-adakan pada 22hb. Julai.

Ia-nya akan di-rasmikan oleh Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Awang Sidek bin Yahya sementara isteri beliau akan menyampaikan hadiah2.

Perlawatan lumba bernang 24 jam berganti2 akan di-adakan dari pukul 6.00 petang pada 28hb. Julai hingga jam 6.00 petang 29hb. Julai.

Borang2 permohonan untuk menyertai temasha perlumbaan itu boleh di-dapati dari Pengerusi Penganjor Peraduan Bernang, Awang Kuan Hua Oong di-Kolam Bernang Anggerek Desa, Berakas.

Ia-nya mesti-lah di-kembalikan kepada Awang Kuan tidak lewat dari 6hb. Julai.

Perlawatan bola sepak 7 sa-pasokan

BERAKAS. — Satu perlawatan bola sepak tujuh orang sa-pasokan anjoran Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai Berakas, PERANGKAB, akan di-adakan sempena merayakan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Perlawatan tersebut akan di-mulakan pada 27hb. Julai ini di-padang Sekolah Menengah SMJA Bandar Seri Begawan, dan terbuka kepada persatuan2 belia dan kebajikan, sekolah2 menengah dan maktab2 di-seluruh negeri.

Perlawatan itu ia-lah satu daripada projek tahunan persatuan PERANGKAP bagi kali kedua dan perlawatan pertama tahun lalu di-menangi oleh persatuan PERKASA.

Bayaran masuk ia-lah \$10.00 bagi tiap2 sa-pasokan dan mereka yang ingin menyertai perlawatan itu di-bolehkan menghantar tidak lebih dari dua pasokan.

Borang2 bagi menyertai perlawatan itu boleh di-dapati daripada Awang Bakri bin Pehin Bendahari Haji Omar, di-alamat Pejabat Daerah, Bandar Seri Begawan, dan daripada Awang Alidin bin Othman, Pejabat Penyiaran dan Penerangan, Bandar Seri Begawan dan ia-nya hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 10hb. Julai.

JAWATAN2 KOSONG

SA-BAGAI KETUA PEMBANTU TEKNIK

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan bagi jawatan Ketua Pembantu Teknik (Radio) di-Jabatan Talikom Negara. Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalon2 hendak-lah sebaik2-nya mempunyai kelulusan hingga kaperingkat City dan Guilds of London Institute Final Certificate in Telecommunications tetapi pengalaman praktikal yang luas dan kebolehan yang terbukti akan di-anggap lebih mustahak. Pemohon2 hendak-lah juga mempunyai sekurang2-nya 7 tahun pengalaman praktikal dengan sa-sebuah badan pentadbiran talikom atau yang sama serta mempunyai pengalaman luas mengenai alat2 radio H.F. dan V.H.F. Mempunyai pengetahuan mengenai alat2 U.H.F. merupakan satu kelebihan tambahan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.3 EB 4 — Brunei \$1000x30-1120/EB/1160x30-1280. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-bagai Amah

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Amah di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Chalon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 40 tahun dan boleh bertutor dalam bahasa Melayu. Mereka hendak-lah sebaik2-nya mempunyai pengalaman sa-bagai Amah Rumah Sakit.

Tugas2:

Chalon2 yang terpilih akan di-tempatkan di-Rumah2 Sakit Kerajaan, Gedong2 Ubat, Klinik2 Kesihatan dan Asrama2 Jururawat.

Pemohon2 mesti-lah bersedia untuk bertugas siang atau malam dan bekerja di-mana2 daerah di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.2-3 EB 4 — \$200x5-215-240/EB/245x5-260.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 25hb. Julai, 1973.

Penjaga Malam

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan Penjaga Malam di-Jabatan Perikanan Negara, Brunei.

Umor:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 30 dan 40 tahun.

Tugas2:

Chalon2 yang berjaya akan di-kehendaki bekerja dari jam 5.00 petang hingga 7.00 pagi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.1 — \$180 x5-195.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 25hb. Julai, 1973.

Sharat2 Lantekan:

Chalon yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaa sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalon yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaa.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalon yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji

akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 tidak lewat dari 30hb. Julai, 1973.

Penyelenggara Setor Tingkat I

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang sedang berkhidmat dalam Perjawatan Tetap untuk jawatan sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkat I di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam pengurusan Setor Bengkel dan Setor Bahagian Ayer, atau pengalaman yang sa-banding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.4 — \$540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang leng-

Jabatan Hal Ehwal

Ugama Brunei

Pemberitahuan Tawaran

1. Dengan ini ada-lah di-beritahu bahawa Jabatan Hal Ehwal Ugama mempelawa tawaran2 bagi mengadakan pesawat-terbang yang sesuai untuk membawa jema'ah haji dari Brunei ka-Jeddah dan balik dalam tahun menunaikan fardzu haji 1973/1974 (Hijrah 1393). Syarat2 tawaran dan borang tawaran boleh di-perolehi atas permohonan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan menyertakan wang chengkeram sa-banyak BS250.00 (yang mana akan di-kembalikan skira-nya tawaran di-kemukakan).

2. Jabatan Hal Ehwal Ugama tidak mengikat-janji akan menerima tawaran yang paling murah atau sa-barang tawaran.

3. Tawaran2 mesti-lah di-kiriman dalam sampul2 surat yang tertutup sa-belum jam 4.00 petang pada 31hb. Julai, 1973; di-alamatkan kepada "Pengerusi, Jema'ah Penaschat Haji, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei", dan sampul-surat itu hendak-lah di-tandakan dengan chatetan "Tawaran Bagi Membawa Jema'ah2 Haji".

kap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 9hb. Julai, 1973.

Pengeluaran Lesen Teksi bagi Daerah Temburong

Ada-lah dengan ini di-ma'alomkan bahawa Lembaga Penguasa Melesen Kereta Sewa akan mengeluarkan satu (1) lesen teksi bagi Daerah Temburong.

2. Penduduk2 Daerah Temburong yang berbangsa Brunei atau yang telah di-terima sa-bagai ra'ayat Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Brunei sama ada bergaji bulan atau bergaji hari sahaja boleh memohon bagi pertimbangan Lembaga Penguasa Melesen Kereta Sewa. Pemohon yang berjaya ada-lah di-kehendaki memandu sendiri kereta teksi-nya itu nanti maka oleh itu sa-seorang pemohon mesti-lah mempunyai lesen memandu kereta.

3. Orang2 yang telah memohon atau nama mereka ada termasuk dalam satu "Sinara Menunggu" di-pejabat ini hendak-lah memohon sa-mula jika mereka maseh berkehendakkan lesen tersebut dengan menerangkan bahawa nama mereka ada termasuk da'am Sinara Menunggu itu atau memberi tahu kepada Lembaga Penguasa Melesen Kereta Sewa yang mereka sukachita jika nama mereka dimasukkan bersama bagi pertimbangan Lembaga.

4. Semua permohonan hendak-lah menggunakan borang permohonan yang boleh di-dapati di-Pejabat Daerah Temburong dan di-Ibu Pejabat Kenderaan Darat, Jalan Gadong, Brunei. Permohonan2 mesti-lah di-hantar melalui Pegawai Daerah, Temburong dan hendak-lah sampai di-Ibu Pejabat Kenderaan Darat, Jalan Gadong, Brunei tidak lewat dari 19hb. Julai, 1973 jam 4.00 petang.

(Abidin bin Abdul Rashid)

Pmk. Pengerusi

Lembaga Penguasa Melesen Kereta Sewa, Brunei.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Di-Jabatan Bandaran B.S.B.

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri rayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikot di-Jabatan Bandaran. Bandar Seri Begawan, Brunei.

A. PENOLONG SETIAUSAHA BANDARAN (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan Higher National Diploma atau yang sa-banding dengan-nya. Mereka yang mempunyai Diploma Pentadbiran Awam boleh juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.3 — \$1000 x30-1120.

B. MERINYU KANAN BANDARAN (2 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan atau Sijil Persekolahan dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama 5 tahun dalam Perjawatan Tetap. Mereka yang tidak mempunyai kelayakan2 yang tersebut di-atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Merinyu Bandaran sekurang2-nya sa-lama 3 tahun boleh juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 — \$710 x30-950.

C. PEGAWAI PENAKSIR RUMAH (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan atau Sijil Persekolahan dengan mendapat kepujian dalam mata-pelajaran Ilmu Hisab dan Ekonomi. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai Diploma Maktab Teknikal dalam Kejuruteraan Bangunan atau Kejuruteraan Awam.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 — \$710 x30-950.

D. MERINYU BANDARAN (2 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil

Sa-bagai Penulong S/Usaha Baitulmal

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari rayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Penulong Setia Usaha Baitulmal di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran termasuk lulus dalam matapelajaran Ilmu Hisab, dan Darjah VI Ugama.
- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 40 tahun dan bersedia untuk berkhidmat di-mana2 daerah di-dalam negeri.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 23hb. Julai, 1973.

Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang telah lulus Sijil Pelajaran Malaysia. Pegawai2 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan yang mempunyai kelulusan pelajaran yang rendah tetapi mempunyai sekurang2 5 tahun pengalaman dalam kerja2 kesihatan Bandaran boleh juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-410x20-510/EB/540x20-660.

E. PEMEREKSA BANGUNAN KANAN (1 jawatan)

Kelayakan dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan dari Instituti Teknologi

Di-Jabatan Pelajaran

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Chalon2 yang terdiri rayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikot di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

A. PEMBANTU MAKMAL (1 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, atau yang sa-banding dengan-nya, termasuk lulus dalam Bahasa Melayu.

Tugas2:

Pemeliharaan barang2 simpanan makmal; menyediakan kerja2 perhubungan; dan lain2 tugas yang di-fikirkan perlu oleh Pengetua.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

B. PEMBANTU PERPUSTAKAAN (3 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, atau yang sa-banding dengan-nya, termasuk lulus dalam Bahasa Melayu. Keutamaan akan di-berikan kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman bekerja di-sa-sebuah perpustakaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1 EB 2 — \$230x10-280/EB/290x15-380. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

C. MEKANIK TINGKAT II (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Melayu dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam kerja2 mekanik dengan sa-sebuah workshop.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 — \$220 x5-240.

Pembantu Bilek Gelap di-JHEU

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari rayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pembantu Bilek Gelap di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 & Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumur antara 18 dan 30 tahun dan lulus sekurang2-nya peperiksaan S.R.P. atau yang sa-banding dengan-nya

Mara atau mempunyai kelulusan yang sa-banding seperti Sijil City & Guilds dalam Kejuruteraan Bangunan atau Kejuruteraan Awam. Mereka yang mempunyai pengalamatan yang sesuai dalam bidang Kejuruteraan Bangunan atau Kejuruteraan Awam sekurang2-nya sa-lama 5 tahun boleh juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.2 — \$710 x30-950.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 19hb. Julai, 1973.

D. TUKANG KAYU TINGKAT II (2 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman sa-bagai tukang kayu. Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang lebih rendah tetapi mempunyai beberapa tahun pengalaman sa-bagai tukang kayu akan juga di-pertimbangkan.

Pemohon2 mesti-lah boleh:

- menyediakan pelan2 dan lukisan2 kerja dan melaksanakan kerja2 itu; dan
- menyediakan taksiran kayu, dan barang2 yang di-perlukan untuk (a) di-atas.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 — \$220 x5-240.

E. PENYELANGGARA SETOR TINGKATAN II (3 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya. Mereka hendak-lah mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam kerja2 setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.2 EB 3 \$290x15-380/EB/410x20-510.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 10hb. Julai, 1973.

Juru Odit

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan bagi jawatan Juru Odit di-Jabatan Odit, Brunei.

Kelayakan2 & Pengalaman:

Sa-seorang chalon itu mesti-lah mempunyai ijazah accountancy atau kelulusan ikhtisas yang sa-banding dengan-nya, atau pun mempunyai pengalaman luas dalam kerja2 odit kerajaan dengan mempunyai tanggung-jawab menyelia sepehonya pekerja2 dan surat menyurat di-dalam bahagian2 kechil dan chawangan2.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B.2 — Brunei \$1090x50-1140x40-1300x60-1360x40-1520x60-1580x40-1740. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalon yang berjaya yang bukan rayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sa-chara berkotrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Kotrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalon yang berjaya yang terdiri dari rayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb. Julai, 1973.

Sa-bagai Tukang Kebun

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari rayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Tukang Kebun di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Tukang2 kebun ini akan di-tempatkan seperti berikut:-

- Rumah Sakit Suri Seri Begawan Kuala Balaet — 2 jawatan.
- Rumah Sakit Tutong — 1 jawatan.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 dan 40 tahun dan mesti-lah tahu menulis dan membaca.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F1 EB 2 — \$180x5-195/EB/200x5-215.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 23hb. Julai, 1973.

Lima keluarga hilang rumah tangga akibat kebakaran di-Kg Ayer

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lima keluarga termasuk satu keluarga China telah kehilangan rumah tangga dan harta benda akibat kebakaran di-Kampung Setia Pahlawan, Kampong Ayer pada hari Rabu lepas (gambar kanan).

Tiga buah rumah telah musnah di-jilat api dan mengakibatkan kerugian berjumlah beribu2 ringgit. Bagaimana pun tidak ada kemalangan jiwa atau kechederaan berlaku dalam kebakaran itu.

Pasokan bomba telah bekerja ka-tempat kejadian itu sa-telah menerima panggilan pada kira2 pukul 4.00 petang dan berjaya menchegeh kebakaran itu dari merebak ka-rumah2 yang berdekatan.

Turut memberikan pertolongan ia-lah anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei, anggota2 Polis Diraja Brunei, pegawai2 dan kaki-tangan dari Pejabat Laut dan pemandu2 moto tambang laut.

Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail telah berangkat ka-tempat kejadian itu dan menyabdakan supaya mangsa2 kebakaran itu di-berikan segera tempat kediaman sementara.

Di-antara yang berada di-tempat kebakaran itu juga ia-lah Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz; Pemangku Pesuruhjaya Polis, Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya; Penolong Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Jaya bin Abdul Latif bagi pehak Pegawai Daerah dan Pegawai Pemerintah Polis Daerah, Y.A.M. Pengiran Putera Negara Pengiran Omar bin Pengiran Datu Penehuu Pengiran Haji Apong.

Mangsa2 kebakaran yang mengandongi 36 orang itu sekarang ditempatkan di-barek polis yang telah di-kosongkan oleh anggota2 polis yang berpindah ka-rumah pangsa yang baru.

Bantuan2 segera telah di-berikan oleh Pejabat Kebajikan Masharakat dengan memberi kemudahan2 yang di-perlukan termasuk barang2 makanan dan pakaian.

Pejabat Kebajikan Masharakat juga mengemukakan terima kasih kepada pehak Polis Diraja Brunei kerana meminjamkan barek itu untuk menempatkan mereka sementara Jabatan Kerja Raya menyediakan tilam dan bantal.



Tujuan Jabatan Pelajaran mengadakan pameran senilukis dan P-tangan

(Dari muka 1)

to Paduka Awang Hussain mengharapkan kepada artis2 muda tempatan supaya menyedari hakikat tersebut dan seterusnya memberikan sumbangan bakti dan khidmat dalam bidang2 kesenian yang diminati mereka.

Derma stadium

(Dari muka 5)

utama semangat mereka menjunjung titah yang di-warisi dari datok nenek mereka ada-lah lebih besar arti-nya.

Di-Daerah Belait: Pegawai Daerah Belait, Y.A.M. Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar selaku Pengerusi Jawatankuasa Tabung Pembinaan Stadium Daerah Belait telah menerima sejumlah \$2,220.00 untuk tabung pembinaan stadium.

Dari jumlah itu, \$1,000.00 dari terima dari Sharikat Kilang Papan Hiap Hong; \$800.00 dari Panggong Marina dan \$210.00 dari Persatuan Peladang Mukim Bukit Sawat.

Sementara Pengerusi Jawatankuasa Pembinaan Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar menerima sumbangan sebanyak \$66.66 dari Sekolah Melayu Datu Pemancha Saging.

menggembirakan sama ada dari segi moral mahu pun material.

Sa-telah melawat Daerah Tutong, Yang Amat Mulia dan rombongan berangkat pula ka-Daerah Belait di-mana mereka telah di-sambut oleh Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar atas tujuan yang sama.

Terdahulu sa-belum itu, Timbalan Pengarah Pelajaran, Dato Seri Lai'a Jaya Awang A.D. Bumford menegaskan bahawa tujuan Jabatan Pelajaran menganjurkan pameran2 seperti itu ia-lah untuk memberikan galakan dan menchongkil bakat2 seni yang terdapat pada murid2 atau penuntut2 di-negeri ini.

Kata-nya pelajaran senilukis dan pertukangan tangan ada-lah salah satu mata pelajaran yang sangat wajib di-ajarkan di-sekolah2 dan maktab2 di-negeri ini.

Timbalan Pengarah Pelajaran itu juga menekankan kepada guru2 supaya mengambil berat dalam bidang pelajaran senilukis dan pertukangan tangan di-sekolah masing2.

Beliau menambahkan, negeri2 yang tidak mempunyai seni saolah2 sa-buah padang pasir yang tidak mempunyai tumbuh2an.

Lebih 400 buah lukisan dan pertukangan tangan sedang di-pamerkan di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka dan ia-nya akan terus di-buka untuk kunjungan orang ramai sa-hingga 8hb. Julai pada tiap2 hari dari jam 8.30 pagi hingga 9.00 malam.

Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait telah munchol sa-bagai johan dalam bahagian sekolah2 menengah se'uruh negeri.

Tempat kedua di-menangi oleh Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong dan tempat ketiga jatuh kepada Sekolah Menengah Melayu Bendahara Sakam Bunut.

Sekolah2 Melayu di-bahagian Tutong satu telah menjadi Johan sa-negeri antara sekolah2 rendah, tempat kedua jatuh kepada sekolah2 Melayu di-bahagian Brunei dua dan sekolah2 Melayu Kuala Belait di-tempat ketiga.

Perlu "visa"

(Dari muka 1)

yang di-keluarkan atau bagi pehak Pengawal Imigresen Brunei.

Beliau menambahkan, mengenai orang2 Jepun yang di-katakan dalam laporan itu, mereka di-kehendaki memperoleh visa2 yang di-lakukan sa-chara biasa ia-itu disediakan sa-belum mereka masuk ka-Brunei.

Lawatan Duli Pg. Perdana Wazir ka-Daerah Temburong

TEMBURONG. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Muda Mohamed Bolkih telah berangkat untuk melawat dan memerhatikan beberapa buah kampung di-Daerah Temburong.

Yang Teramat Mulia berangkat dengan menaiki helikopter Askar Melayu Diraja Brunei dan di-iringi oleh Lt. Jaafar bin Haji Abdul Aziz, ASP Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Dato Paduka Haji Zainal dan Inspektur Chua Peng Kui.

Tempat2 yang di-lawati ia-lah Kampung Belingos, Steshen Pertanian Salangan, Kampung Bokok, Sekolah Melayu Bokok dan Kampung Belais.

Yang Teramat Mulia itu juga telah melawat tempat perusahaan mengorek batu di-Kampung Salangan dan melawat Rumah Sakit yang baru di-Pekan Bangar.

Dalam lawatan itu, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Muda Mohamed Bolkih juga telah di-persembahkan satu chenderamata berupa Rebana oleh penduduk2 di-Kampung Bokok dan sa-batang tongkat di-persembahkan oleh penduduk2 di-Kampung Belais.

Sa-panjang lawatan, Yang Teramat Mulia ka-Daerah Temburong telah di-iringi oleh Pegawai Daerah Temburong, Awang Yunos bin Haji Husain dan penolong-nya Awang Abd Bakar bin Haji Safar serta pegawai2 yang lain.

Majalah Belia 1972 sudah terbit

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pejabat Kebajikan Masharakat telah menchetak Majalah Belia yang kelima, tahun 1972 untuk di-bahagikan kepada semua persatuan2 belia dan kebajikan di-negeri ini.

Majalah itu mengandongi 92, muka, di-penohi dengan laporan2 dan kegiatan2 persatuan2 belia di-sepanjang tahun 1972.

Semua persatuan2 belia dan kebajikan yang ingin mendapatkan majalah tersebut, bolehlah menghantarkan wakilnya ke-Pejabat Kebajikan Masharakat Bandar Seri Begawan.

Perayaan jangan bersifat maksiat

(Dari muka 1)

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tetapi sebalik-nya ada-lah untuk mendapatkan hidayah dan keberkatan daripada Allah Subhanahu-Wataala dengan menjauhkan raayat dan penduduk negeri ini dari melakukan perkara maksiat dan rezezi yang tidak halal.

"Dengan kesucian seperti ini, tegas Yang Amat Mulia, perayaan2 itu akan lebih